MODUL TAHSIN

القرآن

PTSN MODEL ULUL-ALBAB

"Sebaik-baik kamu adalah orang yang belajar Al-Quran dan mengajarkannya"
(HR.Muslim)"



(Khusus untuk kegunaan pelajar Asasi & Diploma)

POLITEKNIK TUN SYED NASIR SYED ISMAIL

MODUL TAHSIN AL-QURAN PTSN MODEL ULUL AL-BAB

Penulis:
MOHD FIRDAUS BIN MAMAT JUNOH
FARHA BINTI MUHAMMAD
AS NUURIEN NAJMA BINTI AHMAD

eISBN 978-967-2736-49-3

HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang penerbitan semula atau penggunaan bahan ini tanpa kebenaran adalah dilarang sama sekali. Tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula atau disebarkan dalam apa-apa bentuk atau melalui apa-apa kaedah, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, rakaman atau melalui sebarang sistem penyimpanan dan capaian maklumat tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada penulis/penerbit.

Diterbitkan oleh:
POLITEKNIK TUN SYED NASIR SYED ISMAIL
Hab Pendidikan Tinggi Pagoh,
KM 1, Jalan Panchor, 84600 Pagoh,
Johor Darul Takzim.
Tel: 06-974 2288
Faks: 06-974 2395

ISI KANDUNGAN

i	Prakata
ii	Objektif Penggunaan Modul Tahsin
01-07	Ilmu Tajwid
08-26	Kaedah - Kaedah Hafazan
27-31	Jadual Pelaksanaan Tahsin & Hafazan
32-52	Surah-Surah & Rekod Hafazan 1
53-72	Surah-Surah & Rekod Hafazan 2
73-92	Surah-Surah & Rekod Hafazan 3
93	Penutup

PRAKATA

Assalamualaikum WBT

Alhamdulillah, dengan izin dan rahmat-Nya, Modul Tahsin al-Quran PTSN Model Ulul Albab ini dapat dikemaskini dan disempurnakan bagi kegunaan pelajar-pelajar Diploma dan Asasi Teknologi Kejuruteraan di Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail. Modul ini dibangunkan khusus untuk pelaksanaan sepanjang satu semester pengajian, bertujuan memperkasa penguasaan asas bacaan dan hafazan al-Quran secara sistematik, selaras dengan agenda pembentukan akhlak dan sahsiah murni dalam kalangan pelajar teknikal.

Modul ini merupakan kesinambungan kepada usaha penyuburan budaya al-Quran dalam kalangan warga politeknik, seiring dengan hasrat melahirkan graduan yang holistik dan berteraskan nilai-nilai Islam. Kandungannya disusun semula oleh pensyarah-pensyarah Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pengajian Am, dengan penekanan kepada pendekatan tahsin yang merangkumi pengukuhan makhraj, tajwid serta pemahaman ayat-ayat terpilih.

Semoga modul ini dapat menjadi panduan dan rujukan yang bermanfaat untuk membentuk insan yang seimbang dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani, selaras dengan matlamat Pendidikan Politeknik dan aspirasi Malaysia MADANI. Pihak penyusun memohon maaf atas sebarang kekurangan yang mungkin terdapat dalam penyediaan modul ini dan amat mengalu-alukan sebarang cadangan penambahbaikan pada masa akan datang. Wassalam.

Jabatan Pengajian Am
Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail
Jabatan Pengajian Politeknik
Kementerian Pendidikan Malaysia

MODUL TAHSIN AL-QURAN

KHUSUS UNTUK KEGUNAAN PELAJAR
PPOLITEKNIK TUN SYED NASIR SYED ISMAIL (PTSN)

PENASIHAT
Ts. SAZALIANA BT SAPIAN
TIMBALAN PENGARAH AKADEMIK
POLITEKNIK TUN SYED NASIR SYED ISMAIL

PENGURUS PROGRAM / PANEL SUSUN ATUR DAN REKA LETAK

MOHD FIRDAUS BIN MAMAT JUNOH
Sarjana Muda Ilmu Wahyu (Usuluddin dan Perbandingan Agama) Universiti Islam Antarabangsa

Sarjana Pendidikan (Pendidikan Islam) Universiti Kebangsaan Malaysia

KETUA JABATAN

JABATAN PENGAJIAN AM
Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail

PANEL EDITOR

FARHA BINTI MUHAMMAD
Sarjana Muda Syariah (Siasah Syar'iyyah) Universiti Malaya

KETUA KURSUS PENDIDIKAN ISLAM DAN MORAL

AS NUURIEN NAJMA BINTI AHMAD
Pengajian Islam dan Antropologi & Sosiologi Universiti Malaya

Sarjana Pendidikan (Kurikulum & Pedagogi) Universiti Kebangsaan Malaysia

JABATAN PENGAJIAN AM
Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail

NAMA : .....

NO. PENDAFTARAN : .....

PROGRAM / KELAS : .....

Penggunaan Modul Tahsin Al-Quran ini mempunyai beberapa objektif utama iaitu :

1. *Melahirkan pelajar yang mahir membaca Al-Quran berpandukan modul yang ditetapkan sepanjang pengajian di Politeknik Tun Syed Nasir Syed (PTSN).*
2. *Melahirkan pelajar yang boleh membaca Al-Quran dan mengajarkannya.*
3. *Mendedahkan pelajar kepada budaya menghafaz Al-Quran berpandukan modul yang disediakan.*
4. *Menyemarakkan program pembudayaan AL-Quran di Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN).*

OBJEKTIF

Al-Quran adalah Kalamullah wahyu terakhir Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. untuk menjadi pedoman dan pegangan hidup seluruh umat manusia. Al-Quran juga merupakan kitab suci dari Allah yang mengandungi peraturan yang lengkap dan sempurna dalam mengatur segala aspek kehidupan manusia yang wajib diimani dan diyakini untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Allah SWT berfirman:
“Dan demikianlah Kami wahyukan kepadamu (Muhammad) – Al-Quran sebagai roh (yang menghidupkan hati perintah Kami; engkau tidak pernah mengetahui (sebelum diwahyukan kepadamu): apakah Kitab (Al-Quran) itu dan tidak juga mengetahui apakah iman itu; akan tetapi Kami jadikan Al-Quran: cahaya yang menerangi, Kami beri petunjuk dengannya sesiapa yang Kami kehendaki di antara hamba-hamba Kami. Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) adalah memberi petunjuk dengan Al-Quran itu ke jalan yang lurus,”
(Surah Asy-Syuura: 52)

Namun, terdapat segelintir pelajar di politeknik ini tidak mengambil berat tentang bacaan Al-Quran bahkan terdapat juga kalangan mereka tidak mahir membaca Al-Quran dengan betul. Bagi mengatasi masalah ini, pensyarah Unit Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pengajian Am mengambil inisiatif untuk mewujudkan satu modul khas, “Modul Tahsin Al-Quran” yang digunakan dalam melaksanakan program ‘Kelas Naji’ (Tahsin) Al-Quran di Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN).

ILMU TAJWID

Tajwid berasal dari perkataan ‘jawwada”. Dari sudut bahasa bermaksud memperelokkan sesuatu.

Menurut istilah syarak ilmu tajwid ialah ilmu untuk mnegetahui dan mengenali tempat bagi setiap huruf, sifat-sifat huruf dari segi panjang, pendek, tebal, nipis dan sebagainya.

Para Ulama’ menyatakan bahawa hukum mempelajari tajwid adalah **fardhu kifayah**, dan hukum mengamalkan ilmu tajwid ketika membaca Al-Quran adalah **fardhu ain** atau wajib kepada lelaki dan perempuan yang ‘mukallaf’.

MAHKRAJ-MAHKRAJ HURUF

Makhraj ialah tempat menahan/menyekat udara ketika bunyi huruf dilafazkan. Huruf yang dimaksudkan ialah huruf hijaiyyah. Makhraj di dalam ilmu tajwid memberi maksud 'tempat keluar suara huruf-huruf al-Quran.

Secara umumnya, huruf-huruf hijaiyyah ini mempunyai makhraj nya masing-masing. Terdapat lima makhraj utama :

1 BAHAGIAN RONGGA KERONGKONG HINGGA RONGGA MULUT

Bunyi huruf yang keluar daripadanya bahagian ini adalah huruf mad iaitu; alif (ا), waw (و) dan ya (ي).

2 BAHAGIAN HALKUM

Bunyi huruf yang keluar daripada bahagian ini ada enam iaitu; Hamzah (ء), ha' (ه), ain (ع), ha' (ح), ghain (غ) dan kha' (خ).

3 BAHAGIAN LIDAH

Bunyi huruf yang keluar dari bahagian ini ada lapan belas iaitu; Ta (ت), tsa (ث), jim (ج), dal (د), dzal (ذ), ra' (ر), zay (ز), sin (س), shin (ش), sod (ص), dhod (ض), to' (ط), zo (ظ), qof (ق), kaf (ك), lam (ل), nun (ن) dan ya' (ي).

4 BAHAGIAN BIBIR

Bunyi huruf yang keluar dari bahagian ini ada empat iaitu; Ba' (ب), fa' (ف), mim (م) dan waw (و).

6 BAHAGIAN PANGKAL HIDUNG

Bahagian ini digunakan apabila berlaku bunyi dengung pada hukum wajib ghunnah, nun sukun/mati dan tanwin.

HUKUM NUN MATI & TANWIN

Pengenalan nun mati/sukun dan Tanwin

Nun Mati laitu huruf nun yang tidak mempunyai baris. la kekal sama ada dari segi bacaan dan tulisan dan ia wujud jika dibaca secara sambung atau berhenti. la terdapat pada pertengahan atau hujung pada kata nama, kata perbuatan dan harf.

Contoh:

وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ

(Surah Al-Zalzalah: 8)


Tanwin laitu nun mati tambahan yang hanya terdapat di akhir perkataan sahaja. la wujud dari segi bacaan tetapi tidak wujud dari segi tulisan iaitu ketika wakaf.

Contoh:

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ

(Surah Al-Zalzalah: 7)

HUKUM NUN MATI & TANWIN TERBAHAGI KEPADA :



IZHAR

Pengenalan Izhar

Menurut bahasa: bermaksud jelas dan nyata.
Dari sudut Istilah: Melafazkan tiap-tiap huruf dari tempat keluarnya tanpa dengung dan sakth (berhenti sekejap menahan nafas) apabila bertemu dengan huruf-huruf izhar.

Jika نْ dan ـًـٌـٍ

bertemu huruf-huruf izhar iaitu:

ا ح خ ع غ ه ء

Maka bunyi 'n' pada نْ dan ـًـٌـٍ itu dilahirkan secara tegas, jelas, pendek tanpa dengung.

Contoh:

لَيلَةُ الْقَدْرِ خَيرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْر (Surah Al-Qadr: 3)

نَارٌ حَامِيَة (Surah Al-Qaari'ah: 11)

وَلَيَالٍ عَشْر (Surah Al-Fajr: 2)

IDGHAM

Pengenalan Idgham

Menurut bahasa: bermaksud mencampurkan atau memasukkan.
Dari sudut Istilah: Pertemuan huruf yang bertanda sukun (tidak berbaris) dengan berbaris dan menjadikan satu huruf yang bertasydid dengan lidah terangkat untuk menyebutnya.

Apabila Nun sakinah/mati dan tanwin bertemu dengan salah satu huruf idghaam. Maka ia wajib di idghaam kan. Ini kerana terdapat persamaan pada makhraj dan sifat. Dalam hal ini bunyi 'n' pada نْ dan ـًـٌـٍ dan dimasukkan ke bunyi huruf sesudahnya sehingga yang dilafazkan bukan bunyi 'n' melainkan bunyi huruf sesudahnya. Terdapat dua jenis idghaam iaitu Idghaam Bighunnah dan Idghaam Bilaaghunnah.

Huruf-huruf Idghaam : Ada 6 huruf Idghaam iaitu: ل ر ي ن م و

IDGHAM BILA GHUNNAH

Idghaam bila Ghunnah maksudnya idghaam tanpa dengung iaitu memasukkan tanpa dengung, apabila نْ dan ـٍـً bertemu huruf-huruf berikut: ل ر

Contoh:

أَن رَّءَاهُ اسْتَغْنَىٰ

أَيَحْسَبُ أَن لَّن يَقْدِرَ عَلَيْهِ أَحَدٌ .

IDGHAM BIGHUNNAH

Idghaam bighunnah maksudnya idghaam disertai dengung selama 2 sampai 3 harakat laitu, apabila نْ dan ـٍـً bertemu huruf-huruf berikut:

ي ن م و

Contoh:

وَمَن يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ 8

Jika nun mati dan tanwin bertemu empat huruf di atas masih dalam satu kata yang sama maka bunyi 'n' pada nun mati dan tanwin itu diucapkan secara jelas (dibaca dengan bacaan izhar). Dalam AlQur'an hal ini ditemul dalam empat kata berikut:

Contoh:

ٱلدُّنْيَا - بَنِينٍ - قِنْوَانٌ - صِنْوَانٌ

IQLAB

Pengenalan Iqlab
Menurut bahasa: Bermaksud menukarkan sesuatu.
Dari sudut istilah: Menukarkan lafaz nun mati dan tanwin kepada lafaz mim ringan serta mengekalkan bunyi dengungnya.

Apabila نْ dan ـًـٍـٌ bertemu huruf ب, maka bunyi 'n' pada نْ dan ـًـٍـٌ itu diganti dengan bunyi 'm' disertai dengung serta ikhtā' selama 2 sampai 3 harakat seolah-olah yang dibaca sebagai berikut:

نْ ب ← م ب

ـًـٍـٌ ب ← ـَـِـُ م ب

Terdapat beberapa cetakan Al-Quran tempat-tempat iqlab ini ditandai oleh huruf م (mim kecil) di atas Nun Mati dan Tanwin. م itu sudah diganti oleh baris biasa.

Contoh نْ bertemu ب

وَأَمَّا مَنۢ بَخِلَ وَٱسْتَغْنَىٰ
(Surah Al-Layl : 8)

كَلَّا لَيُنۢبَذَنَّ فِي ٱلْحُطَمَةِ
(Surah Al-Humazah : 4)

Contoh ـًـٍـٌ bertemu ب

كَلَّا لَئِن لَّمْ يَنتَهِ لَنَسْفَعًۢا بِٱلنَّاصِيَةِ
(Surah Al-`Alaq : 15)

IHFA' HAKIKI

Pengenalan Ikhfa' Hakiki

Menurut bahasa:
Bermaksud menyembunyikan, samar.

Dari sudut istilah:
Menuturkan huruf nun mati atau tanwin dengan sifat bacaan antara Izhar dan Idgham tanpa sabdu serta mengekalkan sifat dengungnya. Dengan begitu, dalam kes ikhfa', bunyi 'n' pada nun mati dan tanwin dilahirkan secara samar iaitu, tidak jelas seperti pada kasus izhhar tapi juga tidak hilang seperti pada kasus idgham melainkan di antara keduanya disertai dengung selama 2 sampai 3 harakat.

Kasus Ikhfa' terjadi apabila نْ dan ـًـٍـٌ bertemu huruf-huruf berikut:

ت ث ج د ذ ز س ش ص ض ط ظ ف ق ك

Secara terperinci, ikhfa' terbahagi kepada tiga dengan sifat sebagai berikut:

1. Jika bertemu huruf ط dan ق, dengung lebih ditekankan.

2. Jika bertemu huruf د ,ث ,ت dan ض, kesamaran bunyi 'n' lebih ditekankan.

3. Jika bertemu huruf yang lain maka kesamaran bunyi 'n' dan dengung diberi penekanan suara.

Contoh :

وَتُحِبُّونَ ٱلْمَالَ حُبًّا جَمًّا ۝ كَلَّآ إِذَا دُكَّتِ ٱلْأَرْضُ دَكًّا دَكًّا ۝ وَجَآءَ رَبُّكَ وَٱلْمَلَكُ صَفًّا صَفًّا ۝

وَجِاْيٓءَ يَوْمَئِذٍۭ بِجَهَنَّمَ ۚ يَوْمَئِذٍ يَتَذَكَّرُ ٱلْإِنسَٰنُ وَأَنَّىٰ لَهُ ٱلذِّكْرَىٰ ۝

(Surah Al-Fajr: 20-23)

Contoh :

إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ مَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦ وَهُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُهْتَدِينَ

(Surah Al-Qalam: 7)

أَوْ إِطْعَٰمٌ فِى يَوْمٍ ذِى مَسْغَبَةٍ . يَتِيمًا ذَا مَقْرَبَةٍ

(Surah Al-Balad: 15)

KAEDAH-KAEDAH HAFAZAN

Penghafazan al-Quran merupakan satu ibadah yang amat mulia dalam Islam dan telah diamalkan secara meluas di seluruh dunia, termasuk di Malaysia. Dalam konteks tempatan, pelbagai kaedah hafazan telah diperkenalkan dan dibangunkan bagi memudahkan dan meningkatkan keberkesanan proses hafazan, sesuai dengan latar belakang pelajar, kemampuan serta persekitaran pembelajaran.

Di Malaysia, kaedah hafazan yang digunakan merangkumi pendekatan tradisional yang diwarisi daripada institusi pondok dan madrasah, serta pendekatan moden yang berasaskan teknologi dan psikologi pendidikan. Kaedah-kaedah ini berfungsi bukan sahaja untuk membantu pelajar menghafal, tetapi juga memastikan hafazan kekal dalam ingatan jangka panjang, serta memahami isi kandungan al-Quran. Berikut adalah kaedah-kaedah hafazan :

1. KAEDAH TALAQI & MUSYFAHAH
2. KAEDAH TIKRAR
3. KAEDAH TAHSIN
4. KAEDAH TAFSIRAN & MENULIS
5. KAEDAH CHUNGKING
6. KAEDAH MINDA FOTOGRAFI
7. KAEDAH MULTIMEDIA
8. KAEDAH AL-BAGHDADI

KAEDAH TALAQI & MUSYFAHAH

.

Definisi

Talaqqi berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud "menerima secara langsung".



Musyafahah bermaksud "dari mulut ke mulut" atau berhadapan secara lisan antara guru dan murid. Dalam konteks pengajian al-Quran, kaedah talaqqi dan musyafahah merujuk kepada proses pelajar membaca al-Quran di hadapan guru secara langsung, manakala guru akan mendengar, membetulkan, dan membimbing bacaan tersebut.

CIRI-CIRI KAEDAH TALAQI

- Interaksi langsung dan intensif antara pelajar dan guru.
- Fokus pada pembetulan bacaan (tajwid dan makhraj) secara serta-merta.
- Bacaan disemak ayat demi ayat atau baris demi baris.
- Mengutamakan ketepatan sebutan, kelancaran, dan hafazan yang mantap.



KELEBIHAN KAEDAH TALAQI & MUSYAFAHAH

1. Jaminan ketepatan bacaan dan hafazan kerana bimbingan guru secara langsung.
2. Pelajar belajar adab dan disiplin ilmu ketika berhadapan dengan guru.
3. Menyuburkan hubungan spiritual dan emosi antara pelajar dan al-Quran.
4. Memupuk rasa tanggungjawab dan konsisten dalam menghafaz.

KAEDAH TIKRAR

Definisi

Tikrar bermaksud pengulangan. Dalam konteks hafazan al-Quran, ia merujuk kepada pengulangan ayat atau potongan ayat secara konsisten dan sistematik untuk memastikan ianya diingati dengan kukuh.



PRINSIP UTAMA KAEDAH TIKRAR

ULANGAN BERKALI-KALI
Ayat yang ingin dihafal diulang antara 5 hingga 20 kali atau lebih sehingga dapat diingati tanpa melihat mushaf.

SEBUTAN YANG BETUL
Penekanan pada sebutan yang betul dari sudut tajwid dan makhraj.

BERPERINGKAT
Bermula dengan ayat pendek, kemudian sambung ayat seterusnya secara bertahap.

GABUNGAN AYAT
Setelah beberapa ayat dihafal, ia digabung dan diulang bersama untuk memastikan kelancaran hafazan secara keseluruhan.

ULANGAN HARIAN DAN MINGGUAN
Hafalan yang sudah dikuasai perlu diulang secara harian/mingguan untuk mengelakkan lupa.

LANGKAH TIKRAR

1	Bacaan contoh oleh guru	Pelajar mendengar bacaan ayat yang ingin dihafal dari guru atau rakaman.
2	Ulangan pendengaran (sam'i)	Pelajar mendengar dan menyemak bacaan ayat beberapa kali.
3	Ulangan bacaan (qira'ah)	Pelajar membaca ayat tersebut berulang kali (biasanya 10-20 kali).
4	Ulangan hafalan (hifz)	Pelajar cuba membaca tanpa melihat mushaf selepas cukup pengulangan.
5	Gabungan ayat (tasalsul)	Ayat yang telah dihafal digabungkan dengan ayat sebelum atau selepas untuk kesinambungan.
6	Semakan & muraja'ah	Ulangan secara berkala setiap hari, minggu dan bulan.



KAEDAH TAHSIN

Definisi

"Tahsin" berasal daripada perkataan Arab أَحْسَنَ - يُحْسِنُ - تَحْسِينًا yang bermaksud "memperelok" atau "memperbaiki". Dalam konteks al-Quran, Kaedah Tahsin merujuk kepada usaha memperelok bacaan al-Quran dari aspek tajwid, makhraj, dan kelancaran, khususnya dalam kalangan pelajar tahfiz. Ia merupakan proses pembaikan bacaan, bukan hanya untuk mereka yang belum lancar membaca, malah juga untuk mengukuhkan kualiti hafazan yang telah dikuasai.


OBJEKTIF UTAMA KAEDAH TAHSIN

Memperbaiki bacaan ayat-ayat al-Quran dari segi tajwid, fasohah, dan makhraj huruf.

Memastikan hafazan dilakukan dengan betul, tepat dan tidak bercampur dengan kesalahan bacaan.

Melahirkan huffaz yang bukan sahaja hafal, tetapi jugafasih dan sahih bacaannya.

Mencegah lisan dari melakukan kesalahan lahn jali dan lahn khafi (kesalahan besar dan kecil dalam bacaan).



KOMPEN PENTING KAEDAH TAHSIN

KOMPONEN	PENJELASAN
Pendengaran aktif	Pelajar diberi peluang mendengar bacaan guru/rekod yang betul.
Latihan sebutan huruf (makhraj)	Penekanan pada tempat keluar huruf dan sifatnya (sifaat).
Bimbingan tajwid praktikal	Pelajar dibimbing mengaplikasi hukum tajwid seperti idgham, iqlab, ghunnah dll dalam hafazan.
Tadabbur ringkas	Diselitkan maksud ayat untuk bantu pelajar lebih faham dan menghayati.
Pengulangan berkualiti (tikrar tahsin)	Ulangan dibuat dengan penekanan kualiti bacaan, bukan kuantiti sahaja.
Semakan dan tasmi'	Pelajar perlu memperdengarkan hafazan kepada guru untuk disemak dari sudut bacaan.

PROSES PERLAKSANAAN KAEDAH TAHSIN

LANGKAH	AKTIVITI
1. Penilaian awal	Guru menilai tahap bacaan dan hafazan pelajar (diagnostik).
2. Fokus kepada kesalahan	Kenalpasti jenis kesalahan bacaan (tajwid/makhraj/waqaf).
3. Latihan pengulangan khusus	Ulang ayat tertentu dengan penekanan pembaikan tajwid.
4. Bacaan bersama guru	Bimbingan talaqqi dan musyafahah – guru baca, pelajar ikut.
5. Pembetulan secara berterusan	Setiap kali pelajar salah, guru betulkan serta-merta.
6. Rekoder audio & visual (pilihan)	Gunakan rakaman bacaan pelajar untuk pemantauan dan refleksi diri.

CIRI UTAMA KAEDAH TAHSIN

CIRI	KETERANGAN
Fokus pembetulan	Tidak hanya ulang, tapi **betulkan dan perkemas**.
Berasaskan talaqqi	Pelajar belajar secara **lisan terus dengan guru**.
Kualiti ulangan	Penekanan kepada **kelancaran, ketepatan dan kefasihan**.
Kombinasi visual	Kad tajwid, video makhraj, dan alat bantu boleh diguna.
Boleh digabung dengan hafazan	Sesuai untuk pelajar yang sedang menghafal atau muraja'ah.

KELEBIHAN KAEDAH TAHSIN

Meningkatkan mutu hafazan dari sudut bacaan.

Membantu pelajar mengenalpasti kelemahan bacaan mereka sendiri.

Menjadikan hafazan lebih mantap dan sahih dari segi tajwid.

Memberi kesedaran tentang kesalahan-kesalahan bacaan.

Meningkatkan keyakinan pelajar ketika memperdengarkan hafazan (tasmi').

KAEDAH TAFSIRAN & MENULIS

Definisi

Kaedah Tafsiran dan Menulis ialah pendekatan hafazan yang menggabungkan pemahaman makna (tafsiran) ayat al-Quran dan penulisan semula ayat sebagai usaha memperkukuh daya ingatan dan kefahaman.



Kaedah ini memberi penekanan kepada:

1) Pemahaman maksud dan konteks ayat
2) Menulis semula ayat atau makna
3) Menggabungkan hafalan dengan penghayatan

OBJEKTIF UTAMA

Membantu pelajar menghafaz dengan lebih mendalam melalui pemahaman.
Mengaktifkan daya ingatan melalui penulisan (muscle memory).
Meningkatkan kefahaman terhadap struktur bahasa Arab dalam al-Quran.
Membentuk hubungan kognitif antara lafaz, makna, dan penulisan.

KOMPONEN KAEDAH TAFSIRAN DAN MENULIS

KOMPONEN	PENJELASAN
Tafsir ringkas ayat	Pelajar membaca dan memahami maksud ayat (dengan bimbingan guru/tafsir).
Menyalin ayat	Pelajar menulis ayat berulang kali (biasanya 3–5 kali).
Menulis semula maksud	Pelajar menterjemah atau menulis makna ayat dalam bahasa sendiri.
Hafazan selepas memahami	Pelajar menghafaz ayat selepas memahami konteks dan menulisnya.
Semakan lisan & bertulis	Guru menyemak bacaan hafazan dan tulisan secara berkala.

LANGKAH PERLAKSANAAN

LANGKAH	AKTIVITI
1. Bacaan ayat	Guru bacakan ayat dan pelajar mendengar atau membaca bersama.
2. Tafsiran ringkas	Guru terangkan maksud, konteks atau kisah berkaitan ayat.
3. Tulisan ayat (copy)	Pelajar tulis ayat tersebut 3–5 kali untuk mengukuhkan bentuk visual dan tatabahasa.
4. Tafsiran bertulis	Pelajar tulis maksud ayat dalam bahasa Melayu/Inggeris.
5. Latihan hafazan	Selepas menulis dan faham, pelajar hafal dengan lebih fokus.
6. Semakan hafazan dan tulisan	Guru semak bacaan dan ejaan/tulisan huruf dengan betul.

CIRI-CIRI KAEDAH TAFSIRAN & MENULIS

CIRI	KETERANGAN
Berorientasi kefahaman	Tidak sekadar menghafal, tetapi memahami isi ayat.
Melibatkan penulisan tangan	Membina memori otot dan ketelitian huruf Arab.
Menghubung teks dengan konteks	Mengaitkan ayat dengan sirah, hukum, kisah, atau akhlak.
Gabungan visual, lisan dan motor	Sesuai untuk pelajar **visual, auditori dan kinestetik**.

KELEBIHAN TAFSIRAN & MENULIS

KELEBIHAN	KETERANGAN
Meningkatkan ingatan jangka panjang	Tulisan + tafsir membentuk hubungan bermakna dalam minda.
Mempercepat pemahaman makna ayat	Membantu pelajar memahami isi al-Quran, bukan sekadar lafaz.
Melatih tulisan jawi dan huruf Arab	Mengasah kemahiran menulis dalam tulisan Arab dengan tepat.
Menyokong pelajar pelbagai gaya pembelajaran	Terutama pelajar yang mudah bosan dengan hafazan lisan semata-mata.
Menjadikan hafazan lebih terkesan secara rohani dan intelektual	Menggalakkan tadabbur semasa hafazan.

KAEDAH CHUNGKING

Definisi

Chunking berasal daripada psikologi kognitif yang bermaksud "memecah maklumat besar kepada bahagian-bahagian kecil (chunk)" supaya lebih mudah diproses, difahami, dan diingat. Dalam konteks hafazan al-Quran, Kaedah Chunking merujuk kepada:

"Membahagi ayat atau rangkaian ayat kepada bahagian-bahagian kecil secara bermakna, kemudian dihafal secara bertahap dan berulang sehingga membentuk satu keseluruhan yang lancar."

Kaedah Chunking (Membahagi dan Menentukan Ayat) dalam hafazan al-Quran — satu pendekatan psikologi kognitif yang terbukti sangat berkesan dalam membantu hafazan jangka panjang dan jangka pendek.

ASAS TEORI CHUNKING

PRINSIP	PENJELASAN
Had kapasiti ingatan manusia	Kajian menyatakan manusia hanya dapat menyimpan **5–9 unit maklumat** dalam ingatan jangka pendek pada satu masa.
Gabung unit kecil ke unit besar	Pecahan ayat kecil yang dikuasai akan digabungkan menjadi satu keseluruhan (ayat atau perenggan).
Pengulangan fokus	Setiap "chunk" diulang secara fokus hingga mantap, kemudian digabungkan.

LANGKAH PERLAKSANAAN CHUNKING

LANGKAH	PENERANGAN
1. Kenal pasti bahagian ayat yang sesuai	Bahagikan ayat panjang kepada **frasa-frasa kecil** (mengikut waqaf/maqta' ayat).
2. Baca dan faham satu "chunk"	Pelajar membaca satu pecahan sahaja berulang kali.
3. Hafal pecahan tersebut	Apabila lancar, teruskan dengan chunk berikutnya.
4. Gabung beberapa chunk	Satukan chunk yang telah dihafal dan ulang secara menyeluruh.
5. Semak semula dan tasmi'	Pelajar memperdengarkan keseluruhan ayat yang telah dihafal.

KAEDAH MINDA FOTOGRAFI

Pengenalan

Kaedah Minda Fotografi atau Visual Memory Technique merujuk kepada kaedah hafazan yang menggunakan kekuatan imej mental (visualisasi) terhadap muka surat al-Quran untuk mengingati sesuatu ayat, posisi dan struktur ayat dalam mushaf.

Kaedah ini menjadikan muka surat al-Quran sebagai "gambar tetap" dalam minda – pelajar bukan sekadar hafal ayat, tetapi juga lokasi ayat di halaman tertentu, baris dan kolum.

Konsep Utama Kaedah Ini

1) Menggunakan imej muka surat al-Quran sebagai peta minda visual.

2) Pelajar akan mengingat posisi ayat (atas, tengah, bawah; kanan atau kiri).

3) Pelajar melatih "melihat" ayat dalam ingatan,seperti membaca dari dalam kepala.

4) Pelajar yang biasa menggunakan mushaf Rasm Uthmani akan menjadikan susunan muka surat sebagai bantuan memori.



LANGKAH PERLAKSANAAN MINDA FOTOGRAFI

LANGKAH	AKTIVITI
1. Gunakan mushaf yang tetap	Guna satu mushaf yang sama (cth: Mushaf Madinah) supaya imej muka surat kekal konsisten.
2. Pilih satu muka surat	Fokus pada satu muka surat (cth: 15 ayat atau satu halaman).
3. Lihat dan baca dengan fokus visual	Perhatikan ayat demi ayat sambil membayangkan kedudukan dan bentuk ayat.
4. Bayangkan imej dalam minda	Pejam mata dan cuba "lihat" kembali susun atur ayat yang dibaca tadi.
5. Ulang dan hafal dengan posisi	Ulang ayat berdasarkan lokasi. Contoh: "ayat baris kedua atas kanan", dan sebagainya.
6. Semakan secara 'mind mapping'	Bila lupa ayat, cuba ingat kembali "kedudukan fizikal" ayat dalam halaman mushaf.

KELEBIHAN MINDA FOTOGRAFI

KELEBIHAN	PENJELASAN
Mudah mengingati kedudukan ayat	Jika lupa ayat, boleh ingat semula melalui posisi dalam halaman.
Mengaktifkan visual memory	Pelajar mengingati struktur dan bentuk susunan dengan tepat.
Meningkatkan keyakinan semasa tasmi'	Pelajar seperti "melihat" ayat dalam kepala ketika membaca.
Mudah membantu semakan sendiri	Bila tersilap, pelajar boleh kesan melalui kedudukan visual.

KAEDAH MULTIMEDIA

Pengenalan

Kaedah Multimedia merujuk kepada penggunaan pelbagai elemen teknologi seperti audio, video, animasi, aplikasi mudah alih, paparan visual interaktif dan rakaman suara dalam proses hafazan al-Quran.

Kaedah ini memberi penekanan kepada:

1) Rangsangan pelbagai deria (audio, visual, kinestetik

2) Pengulangan interaktif dan kendiri

3) Sokongan hafazan melalui teknologi yang menarik dan moden

Objektif Utama Kaedah Multimedia

1) Meningkatkan motivasi dan tumpuan pelajar melalui kaedah pembelajaran yang menyeronokkan dan interaktif.

2) Membantu pelajar menghafal dan memperdengarkan bacaan al-Quran secara kendiri.

3) Menyediakan pengulangan dan semakan yang mudah diakses di mana-mana, bila-bila masa.

4) Menyokong pelajar dengan gaya pembelajaran visual dan auditori.

KOMPONEN YANG DIGUNAKAN DALAM KAEDAH MULTIMEDIA

KOMPONEN	FUNGSI DALAM HAFAZAN
Audio bacaan al-Quran	Pelajar mendengar bacaan berulang-ulang daripada qari (misalnya: Mishary Rashid)
Video interaktif	Video surah + terjemahan + tajwid bergerak
Aplikasi Hafazan (App)	Aplikasi seperti **Ayat, Quran Companion, Tarteel, Memorize Quran** untuk hafalan tersusun
Permainan Pendidikan (Gamifikasi)	Permainan kuiz hafazan, teka ayat, susun ayat untuk mengukuhkan memori
Rakaman Suara Pelajar	Pelajar merakam bacaan sendiri untuk semakan & refleksi
Visual & animasi	Animasi cerita atau ilustrasi ayat untuk ayat kisah seperti Nabi dan umat terdahulu
Slide/PowerPoint interaktif	Bahan bantu visual untuk hafazan dalam kelas atau secara kendiri

KELEBIHAN KAEDAH MULTIMEDIA

KELEBIHAN	PENJELASAN
Pembelajaran kendiri fleksibel	Pelajar boleh belajar di rumah menggunakan telefon atau tablet.
Merangsang pelbagai deria	Gabungan audio + visual + gerakan membantu daya ingatan.
Menyeronokkan dan tidak membosankan	Sangat sesuai untuk kanak-kanak dan remaja.
Boleh diukur dan dipantau	Aplikasi seperti Tarteel dan Quran Companion ada sistem penilaian.
Pengulangan tanpa had	Pelajar boleh ulang ayat sebanyak mana yang mereka mahu secara bebas.

KAEDAH AL-BAGHDADI

Pengenalan

Kaedah al-Baghdadi merupakan kaedah pengajaran bacaan al-Quran secara fonetik dan bertahap, diasaskan oleh ulama dari Baghdad. Ia terkenal dalam kalangan masyarakat Asia Tenggara, khususnya di Malaysia, ndonesia dan Brunei.

Kaedah ini diguna secara berperingkat dan sistematik, bermula dengan pengenalan huruf hijaiyyah secara bertulis dan sebutan, kemudian diikuti dengan latihan menyebut suku kata, perkataan, dan akhirnya ayat penuh al-Quran.

Matlamat Kaedah al-Baghdadi

1) Membolehkan pelajar mengenal, menyebut dan membaca huruf-huruf al-Quran dengan betul.

2) Memberi asas kukuh kepada tajwid dan makhraj huruf.

3) Mengajar secara berperingkat dan tersusun daripada mudah ke kompleks.

CIRI KAEDAH AL-BAGHDADI

CIRI	KETERANGAN
Fonetik	Memberi penekanan kepada sebutan dan bunyi huruf yang betul.
Berstruktur	Bermula dari asas huruf → suku kata → perkataan → ayat.
Talaqqi	Pembelajaran melalui dengar dan ikut secara bersemuka dengan guru.
Mesra pelajar	Sesuai untuk kanak-kanak, pelajar baru dan warga emas.
Visual	Guna kad warna atau papan baghdadi untuk memudahkan ingatan.

PENUTUP

Kesimpulannya, perbincangan mengenai asas ilmu tajwid ini dilampirkan secara ringkas sebagai panduan kepada pembaca. Pembaca perlulah mempelajari ilmu tajwid dengan betul merangkumi pembelajaran secara teori serta praktikal yang perlu dibimbing oleh guru.
Ini kerana terdapat beberapa perkara yang tidak boleh didapati hanya melalui teori sahaja malahan perlu dibimbing sepenuhnya oleh guru.
Keutamaan dalam mempelajari ilmu tajwid memberi kesan dalam pembacaan Al-Quran, agar dapat membaca ayat-ayat Al-Quran secara betul (fasih) serta dapat memelihara lisan daripada kesalahan-kesalahan ketika membaca.

JADUAL BILANGAN AYAT MENGIKUT MINGGU

MINGGU	SURAH	AYAT
MINGGU 1- 4	An-Naba’	1-8
	An-Naba’	9-17
	An-Naba’	18-26
	An-Naba’	27-35
	An-Naba’	36-40
	An-Nazi’at	1-8
	An-Nazi’at	9-17
	An-Nazi’at	18-26
	An-Nazi’at	27-35
	An-Nazi’at	36-46
	‘Abasa	1-8
	‘Abasa	9-17
	‘Abasa	18-26
	‘Abasa	27-35
	‘Abasa	36-42

JADUAL BILANGAN AYAT MENGIKUT MINGGU

MINGGU	SURAH	AYAT
MINGGU 5 - 8	At-Takwir	1-8
	At-Takwir	9-17
	At-Takwir	18-29
	Al-Infitar	1-8
	Al-Infitar	9-19
	Al-Mutafifin	1-8
	Al-Mutafifin	9-17
	Al-Mutafifin	18-26
	Al-Mutafifin	27-36
	Al-Insyiqaq	1-8
	Al-Insyiqaq	9-17
	Al-Insyiqaq	18-25
	Al-Buruj	1-8
	Al-Buruj	9-17
	Al-Buruj	18-22

JADUAL BILANGAN AYAT MENGIKUT MINGGU

MINGGU	SURAH	AYAT
MINGGU 9 - 11	At-Tariq	1-8
	At-Tariq	9-17
	Al-A'la	1-8
	Al-A'la	9-19
	Al-Gasyiyah	1-8
	Al-Gasyiyah	9-17
	Al-Gasyiyah	18-26
	Al-Fajr	1-8
	Al-Fajr	9-17
	Al-Fajr	18-30
	Al-Balad	1-8
	Al-Balad	9-20
	As-Syams	1-8
	As-Syams	9-15

JADUAL BILANGAN AYAT MENGIKUT MINGGU

MINGGU	SURAH	AYAT
MINGGU 12 - 13	Al-Lail	1-8
	Al-Lail	9-17
	Al-Lail	18-21
	Ad-Duha	1-8
	Ad-Duha	9-11
	Al-Insyirah	1-8
	At-Tin	1-8
	Al-‘Alaq	1-8
	Al-‘Alaq	9-19
	Al-Qadr	1-5
	Al-Bayyinah	1-8
	Az-Zalzalah	1-8
	Al-‘Adiyat	1-8
	Al-‘Adiyat	9-11

JADUAL BILANGAN AYAT MENGIKUT MINGGU

MINGGU	SURAH	AYAT
MINGGU 14	Al-Qari'ah	1-11
	At-Takasur	1-8
	Al-'Asr	1-3
	Al-Humazah	1-9
	Al-Fil	1-5
	Quraisy	1-4
	Al-Ma'un	1-7
	Al-Kausar	1-3
	Al-Kafirun	1-6
	An-Nasr	1-3
	Al-Lahab	1-5
	Al-Ikhlas	1-4
	Al-Falaq	1-5
	An-Nas	1-6

Isi Kandungan

Semester Pertama ..... 1 -9

- *Surah An-Naba'*
- *Surah An-Naziat*
- *Surah 'Abasa*
- *Rekod Hafazan*
- *Latihan Tasmik Pelajaran*

Semester Kedua ..... 11 - 23

- *Surah At-Takwir*
- *Surah Al-Infitar*
- *Surah Al-Mutafiffin*
- *Surah Al-Insyiqaq*
- *Surah Al-Buruj*
- *Rekod Hafazan Surah*
- *Latihan Tasmik Pelajaran*

Semester Ketiga ..... 25 - 36

- *Surah At-Toriq*
- *Surah Al-A'la*
- *Surah Al-Ghasyiah*
- *Surah Al-Fajr*
- *Surah Al-Balad*
- *Surah As-Shams*
- *Rekod Hafazan Surah*
- *Latihan Tasmik Pelajaran*

Isi Kandungan

Semester Keempat ..... 39 - 49

- *Surah Al-Lail*
- *Surah Ad-Duha*
- *Surah Al-Insyirah*
- *Surah At-Tin*
- *Surah Al-'Alaq*
- *SurahAl-Bayyinah*
- *Surah Az-Zalzalah*
- *Surah Al-Adiyat*
- *Rekod Hafazan Surah*
- *Latihan Tasmik Pelajaran*

Semester Kelima ..... 51 - 63

- *Surah Al-Qari'ah*
- *Surah At-Takasur*
- *Surah Al-'Asr*
- *Surah Al-Humazah*
- *Surah Al-Fil*
- *Surah Quraisy*
- *Surah Al-Ma'un*
- *Surah Al-Kausar*
- *Surah Al-Kafirun*
- *Surah An-Nasr*
- *Surah Al-Lahab*
- *Surah Al-Ikhlas*
- *Surah Al-Falaq*
- *Surah An-Nas*
- *Rekod Hafazan Surah*
- *Latihan Tasmik Pelajaran*

Surah An-Naba'

Surah An Naba' (Ayat 1-29)	SEMESTER 1

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ①

عَمَّ يَتَسَآءَلُونَ ② عَنِ ٱلنَّبَإِ ٱلْعَظِيمِ ③ ٱلَّذِى هُمْ فِيهِ مُخْتَلِفُونَ ④

كَلَّا سَيَعْلَمُونَ ⑤ ثُمَّ كَلَّا سَيَعْلَمُونَ ⑥ أَلَمْ نَجْعَلِ ٱلْأَرْضَ مِهَٰدًا ⑦

وَٱلْجِبَالَ أَوْتَادًا ⑧ وَخَلَقْنَٰكُمْ أَزْوَٰجًا ⑨ وَجَعَلْنَا نَوْمَكُمْ سُبَاتًا ⑩

وَجَعَلْنَا ٱلَّيْلَ لِبَاسًا ⑪ وَجَعَلْنَا ٱلنَّهَارَ مَعَاشًا ⑫ وَبَنَيْنَا فَوْقَكُمْ سَبْعًا

شِدَادًا ⑬ وَجَعَلْنَا سِرَاجًا وَهَّاجًا ⑭ وَأَنزَلْنَا مِنَ ٱلْمُعْصِرَٰتِ مَآءً

ثَجَّاجًا ⑮ لِّنُخْرِجَ بِهِۦ حَبًّا وَنَبَاتًا ⑯ وَجَنَّٰتٍ أَلْفَافًا ⑰

إِنَّ يَوْمَ ٱلْفَصْلِ كَانَ مِيقَٰتًا ⑱ يَوْمَ يُنفَخُ فِى ٱلصُّورِ فَتَأْتُونَ أَفْوَاجًا ⑲

وَفُتِحَتِ ٱلسَّمَآءُ فَكَانَتْ أَبْوَٰبًا ⑳ وَسُيِّرَتِ ٱلْجِبَالُ فَكَانَتْ سَرَابًا ㉑

إِنَّ جَهَنَّمَ كَانَتْ مِرْصَادًا ㉒ لِّلطَّٰغِينَ مَـَٔابًا ㉓ لَّٰبِثِينَ فِيهَآ أَحْقَابًا ㉔

لَّا يَذُوقُونَ فِيهَا بَرْدًا وَلَا شَرَابًا ㉕ إِلَّا حَمِيمًا وَغَسَّاقًا ㉖

جَزَآءً وِفَاقًا ㉗ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ لَا يَرْجُونَ حِسَابًا ㉘

وَكَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا كِذَّابًا ㉙ وَكُلَّ شَىْءٍ أَحْصَيْنَٰهُ كِتَٰبًا ㉚ فَذُوقُوا۟ فَلَن

Rekod Hafazan Surah

Surah An Naba'	SEMESTER 1
Surah An Naba (Ayat 1-8) (M1) Catatan Pensyarah :	
Surah An Naba (Ayat 9-17) (M2) Catatan Pensyarah :	
Surah An Naba (Ayat 18-26) (M3) Catatan Pensyarah :	
Surah An Naba (Ayat 27-35) (M4) Catatan Pensyarah :	
Surah An Naba (Ayat 36-40) (M5) Catatan Pensyarah :	

Surah An-Naba' & Surah An-Nazi'at

Surah An Naba' (Ayat 30-40)	SEMESTER 1
نَّزِيدَكُمْ إِلَّا عَذَابًا ﴿٣٠﴾ إِنَّ لِلْمُتَّقِينَ مَفَازًا ﴿٣١﴾ حَدَآئِقَ وَأَعْنَٰبًا ﴿٣٢﴾	
وَكَوَاعِبَ أَتْرَابًا ﴿٣٣﴾ وَكَأْسًا دِهَاقًا ﴿٣٤﴾ لَّا يَسْمَعُونَ فِيهَا	
لَغْوًا وَلَا كِذَّٰبًا ﴿٣٥﴾ جَزَآءً مِّن رَّبِّكَ عَطَآءً حِسَابًا ﴿٣٦﴾	
رَّبِّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا ٱلرَّحْمَٰنِ لَا يَمْلِكُونَ مِنْهُ خِطَابًا ﴿٣٧﴾	
يَوْمَ يَقُومُ ٱلرُّوحُ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ صَفًّا لَّا يَتَكَلَّمُونَ إِلَّا مَنْ أَذِنَ لَهُ ٱلرَّحْمَٰنُ	
وَقَالَ صَوَابًا ﴿٣٨﴾ ذَٰلِكَ ٱلْيَوْمُ ٱلْحَقُّ فَمَن شَآءَ ٱتَّخَذَ إِلَىٰ رَبِّهِۦ مَـَٔابًا ﴿٣٩﴾ إِنَّآ	
أَنذَرْنَٰكُمْ عَذَابًا قَرِيبًا يَوْمَ يَنظُرُ ٱلْمَرْءُ مَا قَدَّمَتْ يَدَاهُ وَيَقُولُ ٱلْكَافِرُ	
يَٰلَيْتَنِى كُنتُ تُرَٰبًا ﴿٤٠﴾	

Surah An-Nazi'at (Ayat 1-6)	SEMESTER 1
بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿١﴾	
وَٱلنَّٰزِعَٰتِ غَرْقًا ﴿١﴾ وَٱلنَّٰشِطَٰتِ نَشْطًا ﴿٢﴾ وَٱلسَّٰبِحَٰتِ سَبْحًا ﴿٣﴾	
فَٱلسَّٰبِقَٰتِ سَبْقًا ﴿٤﴾ فَٱلْمُدَبِّرَٰتِ أَمْرًا ﴿٥﴾ يَوْمَ تَرْجُفُ ٱلرَّاجِفَةُ ﴿٦﴾	

Surah An-Nazi'at

Surah An-Nazi'at (Ayat 7-35)	SEMESTER 1

تَتْبَعُهَا ٱلرَّادِفَةُ ۝٧ قُلُوبٌ يَوْمَئِذٍ وَاجِفَةٌ ۝٨ أَبْصَٰرُهَا خَٰشِعَةٌ ۝٩
يَقُولُونَ أَءِنَّا لَمَرْدُودُونَ فِى ٱلْحَافِرَةِ ۝١٠ أَءِذَا كُنَّا عِظَٰمًا نَّخِرَةً ۝١١
قَالُوا۟ تِلْكَ إِذًا كَرَّةٌ خَاسِرَةٌ ۝١٢ فَإِنَّمَا هِىَ زَجْرَةٌ وَٰحِدَةٌ ۝١٣
فَإِذَا هُم بِٱلسَّاهِرَةِ ۝١٤ هَلْ أَتَىٰكَ حَدِيثُ مُوسَىٰٓ ۝١٥ إِذْ نَادَىٰهُ رَبُّهُۥ
بِٱلْوَادِ ٱلْمُقَدَّسِ طُوًى ۝١٦ ٱذْهَبْ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُۥ طَغَىٰ ۝١٧
فَقُلْ هَل لَّكَ إِلَىٰٓ أَن تَزَكَّىٰ ۝١٨ وَأَهْدِيَكَ إِلَىٰ رَبِّكَ فَتَخْشَىٰ ۝١٩
فَأَرَىٰهُ ٱلْءَايَةَ ٱلْكُبْرَىٰ ۝٢٠ فَكَذَّبَ وَعَصَىٰ ۝٢١ ثُمَّ أَدْبَرَ يَسْعَىٰ ۝٢٢
فَحَشَرَ فَنَادَىٰ ۝٢٣ فَقَالَ أَنَا۠ رَبُّكُمُ ٱلْأَعْلَىٰ ۝٢٤ فَأَخَذَهُ ٱللَّهُ نَكَالَ
ٱلْءَاخِرَةِ وَٱلْأُولَىٰٓ ۝٢٥ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَعِبْرَةً لِّمَن يَخْشَىٰٓ ۝٢٦ ءَأَنتُمْ أَشَدُّ
خَلْقًا أَمِ ٱلسَّمَآءُ بَنَىٰهَا ۝٢٧ رَفَعَ سَمْكَهَا فَسَوَّىٰهَا ۝٢٨ وَأَغْطَشَ لَيْلَهَا
